



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. TENDER : **PTGPP/TENDER/1/2023**

PELAWAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala : **210102, 210103, 210104, 210105, 210106, 210107** serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan perkhidmatan seperti berikut :-

NO. TENDER	TAJUK
PTGPP/TENDER/1/2023	Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Migrasi, Mengintegrasikan, Mengujilari, Mentauliah, Melatih, Menyelenggara, Khidmat Sokongan Perkakasan Pelayan Dan Perisian Bagi Sistem e-Tanah Pulau Pinang

2. PENDAFTARAN

Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki berdaftar dengan **ePerolehan (Sysp)** di alamat url **<http://ep.penang.gov.my>** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

3. DOKUMEN TENDER

3.1 Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00** secara online dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (SysP) mulai **4 September 2023 (Isnin)**.

- 3.2 Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 25 September 2023 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang, Tingkat 22, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.3 **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- 3.4 Setiap tawaran harga mestilah sah bagi tempoh 180 hari dari tarikh peti tender ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui **Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri (SysP)** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.

4 SKOP RINGKAS TENDER

- 4.1 Penggunaan sumber perkakasan pelayan dan storan infrastruktur e-Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencapai kapasiti maksimum dan sering menyebabkan gangguan ke atas operasi kaunter. Sistem e-Tanah Negeri Pulau Pinang dihoskan secara berpusat menggunakan teknologi *virtualization* dan dikongsi oleh semua aplikasi Sistem e-Tanah PTG dan Pejabat-pejabat Daerah.
- 4.2 Oleh yang demikian, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menambahbaik infrastruktur e-Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan melaksanakan perolehan perkakasan, perisian dan perkhidmatan seperti jadual berikut:

NO. ITEM	ITEM	KUANTITI
1.	Pelayan Pangkalan Data	1
2.	Pelayan Aplikasi	3
3.	Perkakasan Storan	1

4.	Rak Server	1
5.	Perisian Virtualization Server	4
6.	Perkhidmatan memasang, mengkonfigurasi, memigrasi, mengintegrasikan, mengujilari dan mentauliah pelayan pangkalan data dan aplikasi termasuk <i>backup</i> dan <i>disaster recovery</i> .	5 lot
7.	Menyediakan dokumentasi dan manual	2 lot
8.	Menjalankan latihan dan pemindahan teknologi	2 lot

4.3 Tempoh penyempurnaan tender adalah selama **enam (6) bulan** dari tarikh setuju terima dan dibahagikan pelaksanaannya seperti berikut:

- **Fasa 1 pada tahun 2023:** Pembekalan perkakasan dan perisian
- **Fasa 2 pada tahun 2024:** Selain daripada Fasa 1

4.4 Manakala tempoh penyelenggaraan dan jaminan perkakasan pelayan, storan dan perisian adalah selama **tiga (3) tahun selepas tarikh pentauliahannya**.

PERHATIAN

Maklumat terperinci mengenai Tender Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Migrasi, Mengintegrasikan, Mengujilari, Mentauliah, Melatih, Menyelenggara, Khidmat Sokongan Perkakasan Pelayan Dan Perisian Bagi Sistem e-Tanah Pulau Pinang adalah seperti di dalam Dokumen Tender yang boleh dibeli melalui Sistem ePerolehan Negeri di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.